

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	31/10/2011

8 asnaf layak terima zakat sudah tidak wujud di kebanyakan negara kaya

# Beri zakat kepada negara miskin

**LANGKAWI** 29 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan agar sebahagian kecil kutipan zakat dari negara Islam yang kaya diberi kepada negara miskin atau rakyat miskin di negara lain.

Ini kerana, katanya, lapan asnaf yang layak menerima zakat sudah tidak wujud di kebanyakan negara kaya, selain kutipan juga melebihi keperluan mereka yang ada.

"Jika kita menganggap diri kita sebagai ummah, masyarakat Islam yang menggunakan wang zakat untuk membantu golongan miskin di negara lain tidak akan dianggap melanggar kategori mereka yang memerlukan bantuan zakat," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada hari pertama Persidangan Antara-bangsa Kewangan dan Ekonomi Islam Langkawi (LIFE) ketiga bertema "Perbankan dan Kewangan Islam: Wakaf, Zakat dan Sedekah sebagai Pemerkasaan dan Strategi Komuniti Untuk Transformasi Ekonomi Ummah".

Dr. Mahathir yang juga penaung LIFE berkata, walaupun hanya sebahagian kecil daripada 2.5 peratus zakat yang dikutip disumbangkan, jumlah itu sudah lebih daripada cukup untuk membantu meringankan penderitaan



MAHATHIR MOHAMAD

penduduk miskin. "Saya percaya jika sebuah tabung diwujudkan bagi mengumpul sumbangan zakat daripada negara kaya, akan ada wang yang mencukupi bagi membina infrastruktur bagi membolehkan negara miskin membangun dan menghasilkan peluang kerja menerusi pelaburan dalam industri berasaskan buruh.

"Bolehkah kita menggunakan zakat untuk infrastruktur? Jika untuk membasmi kemiskinan dan mengurangkan penderitaan penduduk di negara Islam yang miskin, saya fikir

kita tidak bertentangan dengan hukum Islam," katanya.

Beliau berkata, ulama boleh meneliti perkara tersebut dan mengeluarkan fatwa mengenainya.

Bagi mengumpul dan mentadbir dana zakat itu, Dr. Mahathir mencadangkan agar sebuah institusi diwujudkan dan dikendali oleh petugas daripada negara yang menyumbang.

"Menerusi perakaunan yang sewajarnya, serta ada ketelusan dan peraturan akan memastikan tidak berlaku penyelewengan. Negara yang menyumbang serta ummah mesti dimaklumkan dari mana sumber dan bagaimana sumbangan digagih," katanya.

Beliau berkata, selain zakat, Islam juga menggalakkan amal me-

nerusi sedekah dan lebih banyak sedekah daripada golongan kaya bukan saja dapat membantu mereka yang memerlukan, tetapi juga baik untuk imej Islam.

"Bagi wakaf, amalan ini harus dipromosi dan digalakkan dalam dunia Islam.

Setengah negara Islam sudah mengamalkannya dengan menyokong pembinaan masjid dan universiti di seluruh dunia. Dengan maklumat yang lebih banyak mengenai keperluan, lebih banyak akan mendapat manfaat daripada wakaf," katanya.

Persidangan tiga hari itu dianjurkan bersama Kolej Universiti Insaniah, Bank Pembangunan Islam dan Institut Penyelidikan dan Latihan Islam. - BERNAMA